# MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
# TAHUN 2021
# SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 19 November 2021 |
| Masa | : | 9.00 pagi |
| Tempat | : | Secara *Hybrid* - menerusi Aplikasi Zoom Meeting |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **11.1** | **KATA ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah. | |
| | (b) mengalukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2021; | **Makluman** |
| | (c) mengumumkan pelantikan ahli mesyuarat baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana **Lampiran 1**; | **Makluman** |
| | (d) mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO /IEC 27001/2013 pada tahun 2020; | **Makluman** |
| | (e) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini manakala pensijilan ISMS mulai 2012 dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2021; | **Makluman** |
| | (f) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu: | **Makluman** |
| | i. <u>Skop pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti</u>: "Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat tertiary, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat". Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan. | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | ii. <u>Skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</u>:<br><br>1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman.<br><br>2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.<br><br><u>Kecuali</u>:<br>Pendaftaran kursus, *Meal Plan* dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:<br><br>i. Pengajian Jarak Jauh;<br>ii. Program untuk Eksekutif; dan<br>iii. Antarabangsa | |
| | (g) memaklumkan Pernyataan Dasar Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 10 Disember 2019 adalah masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar. | **Makluman** |
| | (h) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR). | **Makluman** |
| | (i) mengimbas semula keahlian, terma rujukan (TOR) dan kekerapan pelaksanaan MKSP sebagaimana **Lampiran 2**. | **Makluman** |
| **11.2** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | |
| | Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS dan ISMS tahun 2020 disahkan tanpa pindaan. | **Setiausaha** |
| **11.3** | **TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS** | |
| | Mesyuarat: | |
| | 11.3.1 mengambil maklum 21 daripada 24 tindakan susulan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO Tahun 2020 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas. Keterangan lanjut sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 3 (a).** | **Makluman dan tindakan** |
| | 11.3.2 mengambil perhatian pada Minit 10.6.3.2 (f) iaitu berkenaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2020, setakat 15 November 2021, terdapat 3 NCR dan 7 OFI QMS yang masih belum ditutup. Manakala untuk ISMS terdapat 1 NCR yang belum ditutup. Walau bagaimanapun kesemuanya masih dalam pelaksanaan Tindakan PTJ dan dijangka selesai atau dapat ditutup pada 30 Disember 2021. | **Tindakan: FK, PPKKP/PNC,BKAD, UPMKB** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 11.3.3 mengambil perhatian pada Minit 10.7.1 (a) iii iaitu berkaitan strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2020 dan Minit 10.7.1 (a) v iaitu projek sistem transformasi aplikasi sumber manusia akan dilaporkan dalam agenda 7.1 iaitu Laporan Sumber Manusia. | **Makluman** |
| | . | |
| **11.4** | **PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO** | |
| | **11.4.1 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).** Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum UPM perlu menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan untuk mencapai hasil yang dihasratkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti serta perlu dipantau dan dikaji maklumat isu ini sebagaimana keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 klausa 4.1, Memahami Organisasi dan Konteksnya. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan. | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan di UPM pada tahun 2021 adalah sebanyak 441 isu. Pecahan isu mengikut kategori PTJ adalah sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian PTJ mengenal pasti isu yang relevan dengan fungsi/skop PTJ masing-masing pada setiap tahun. Tindakan yang diambil oleh PTJ ke atas pernyataan isu luaran dan dalaman adalah seperti berikut:<br><br>i. Gugur/Hapus, bagi isu luaran dan dalaman :<br>a. Tahap penilaian risiko adalah 'Rendah' selama 2 tahun berturut-turut, akan digugurkan pada tahun berikutnya;<br>b. Tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab.<br><br>ii. Kekal, bagi isu luaran dan dalaman:<br>a. Tahap penilaian risiko 'Rendah' dengan tindakan sedia ada yang terkawal dan masih dalam tempoh pemantauan 2 tahun;<br>b. Tahap penilaian risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', dengan kawalan sedia ada dan strategi tindakan yang masih relevan dan dalam tempoh tindakan pelaksanaan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iii. Tambah/baru, bagi isu luaran dan dalaman baru dikenal pasti yang relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab berdasarkan isu/situasi semasa. | |
| | (e) mengambil perhatian sebanyak 146 isu baru dan 295 isu sedia ada (isu tahun 2020 yang dikenal pasti dan disenaraikan semula tahun 2021). Pecahan isu berdasarkan kategori fungsian/operasi ditunjukkan dalam graf sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum perbandingan isu luaran dan dalaman antara tahun 2020 dan tahun 2021 menunjukkan pertambahan sebanyak 28 pernyataan isu dalaman dan pertambahan sebanyak 3 pernyataan isu luaran. Mesyuarat juga dimaklumkan pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh PTJ, telah dibincang dan disahkan di peringkat pengurusan PTJ masing-masing. | **Makluman** |
| | **11.4.2 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum berhubung laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti di **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (b)** yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS. Pelaporan ini merupakan input maklum balas prestasi keselamatan maklumat sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 di bawah klausa 9.3 (b). | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum isu dalaman dan isu luaran yang relevan dengan pelaksanaan ISMS telah dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM dan perinciannya boleh rujuk melalui Portal Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum berhubung pembentangan isu dalaman dan isu luaran ISMS tahun 2021 seperti berikut:<br><br>i. terdapat sebanyak 16 isu secara keseluruhan iaitu melibatkan 10 isu luaran dan enam (6) isu dalaman yang berkait dengan pelaksanaan ISMS UPM;<br><br>ii. Pecahan empat (4) kategori utama isu ISMS adalah:<br><br>• infrastruktur/persekitaran sebanyak dua (2) isu;<br>• keselamatan/kesihatan sebanyak lima (5) isu;<br>• pentadbiran/budaya organisasi sebanyak satu (1) isu; dan<br>• teknologi maklumat dan komunikasi sebanyak lapan (8) isu. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iii. terdapat perbezaan jumlah isu luaran dan isu dalaman tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak dua (2) isu luaran dan dua (2) isu dalaman;<br>iv. Bermula tahun 2021, isu dalaman/luaran ISMS dipecahkan mengikut pasukan ISMS bagi memudahkan pemantauan pelaksanaan tindakan. Pecahan jumlah isu mengikut pasukan ISMS adalah seperti berikut:<br>• Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang sebanyak lima (5) isu;<br>• Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu sebanyak empat (4) isu;<br>• Pasukan Pusat Data sebanyak lima (5) isu; dan<br>• Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti sebanyak dua (2) isu. | |
| | (d) mengambil maklum bahawa jumlah isu baharu dan isu sedia ada hanya dapat dilaporkan bermula tahun 2022 iaitu selepas maklumat isu luaran dan isu dalaman setiap pasukan ISMS disemak dan dikemaskini. | **Makluman** |
| | (e) mengambil perhatian berhubung beberapa isu keselamatan maklumat/data yang dibangkitkan semasa mesyuarat untuk diambil tindakan selanjutnya oleh pihak UPM, iaitu:<br>• risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama;<br>• keselamatan data/aset semasa Bekerja Dari Rumah (BDR);<br>• penggunaan perisian tidak sah (illegal software) di kalangan pelajar UPM; dan<br>• gangguan rangkaian internet di kawasan kampus. | **Tindakan: TWP ISMS** |
| | (f) turut mengambil maklum pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) sedang dalam proses menaiktaraf UPMNet Fasa 1 iaitu melibatkan 10 fakulti di UPM yang mempunyai aset/infrastruktur ICT dengan usia guna antara 8 hingga 15 tahun. | **Makluman** |
| **11.5** | **KEPUASAN PELANGGAN DAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN**<br>**11.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS**<br>Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklumbalas kepuasan pelanggan dan maklum balas pihak berkepentingan QMS 2020 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5(a)** seperti berikut: | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (a) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON merekodkan sebanyak 44 maklum balas yang merangkumi 23 aduan, 5 cadangan, 1 penghargaan dan 15 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu orang awam, pelajar, pembekal dan pekerja UPM bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2020. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum sebanyak 44 maklum balas telah selesai diambil tindakan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat, di mana peringatan untuk menutup maklumbalas dibuat secara bulanan. | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian laporan pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan tahun 2020 mengikut skop dan jumlah responden dengan hasil dapatan skor min keseluruhan sepertimana berikut:<br><br>i. Pengajian Prasiswazah melibatkan 135 responden (Skor Min 3.95);<br>ii. Pengajian Siswazah melibatkan 176 responden (Skor Min 3.75);<br>iii. Penyelidikan dan Inovasi melibatkan 86 responden (Skor Min 3.73); dan<br>iv. perkhidmatan sokongan melibatkan seramai 4201 responden (Skor Min 4.12). | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian, komen dan cadangan bertulis telah dimajukan kepada PTJ untuk dibincangkan dan mengenalpasti tindakan yang bersesuaian di dalam mesyuarat pengurusan PTJ, oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti. | **Makluman** |
| | (e) mengambil perhatian berkenaan maklumbalas pihak berkepentingan QMS tahun 2020 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat dengan analisis lengkap telah dilaksanakan dan sebagaimana pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-50. | **Makluman** |
| | **11.5.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS**<br><br>Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklumbalas pihak berkepentingan ISMS tahun 2020 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana perincian pada **Lampiran Kertas Agenda 5(b)** seperti berikut | |
| | (a) Laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2020/2021 Kampus Serdang dan Bintulu, yang melibatkan seramai 2,536 responden iaitu 72.8% perempuan dan 27.2% lelaki iaitu soal selidik secara atas talian dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA / CATATAN</th><th>TINDAKAN/ MAKLUMAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 76% melebihi tahap memuaskan pada skala 4.00 sehingga 5.00 bagi soalan 1-6 serta terdapat cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran seperti berikut:<br><br>i. meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan;<br>ii. memastikan setiap maklumat yang akan dimasukkan dalam sistem e -daftar dibuat semakan kali kedua;<br>iii. memastikan maklumat peribadi pelajar dilindungi dan tidak terdedah kepada pihak lain.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) pencapaian mengikut item adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Kategori</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan</td><td>4.20</td></tr><tr><td>Saya yakin terhadap intgeriti maklumat dalam sistem penilaian pengajaran</td><td>4.17</td></tr><tr><td>Saya berpuas hati dengan ketersediaan sistem penilaian pengajaran</td><td>4.10</td></tr><tr><td>Min Keseluruhan</td><td>4.16</td></tr></table></td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) mengambil perhatian akan cadangan bahawa soalan serta jawapan yang mempunyai skala 1-5 yang digunakan hendaklah dikaji agar bersesuaian serta tidak menimbulkan keraguan kepada pelajar.</td><td>Tindakan: Bahagian Urus Tadbir Akademik</td></tr>
<tr><td>11.6</td><td>MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS<br><br>11.6.1 Pencapaian Objektif Kualiti<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti dan proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan).</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana klausa 5.1.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **11.6.1.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2020 dan Penetapan KPI 2021** | |
| | Mesyuarat dimaklum berhubung laporan pencapaian KPI 2020 dan penetapan KPI 2021 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (a)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum pencapaian KPI 2020 telah dibincang dan dibentangkan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) tahun 2020 dan Penetapan KPI 2021 bersama Pengurusan Universiti dan Ketua PTJ pada 25 Januari 2021. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum secara keseluruhan, UPM telah mencapai 91.89% pada tahun 2020 bagi 36 KPI UPM: | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum pemantauan pencapaian KPI 2020 dibuat setiap sukuan dan terdapat 3 KPI yang berada di bawah 75 peratus iaitu peratusan penjanaan pendapatan berbanding belanja mengurus, penerbitan dalam jurnal berindeks dan penerbitan Q1 dan Q2. | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian terdapat satu KPI tahun 2020 yang belum dinilai iaitu 'Program Summer School' kerana situasi pandemik COVID. | **Tindakan: Peneraju Akademik dan Antarabangsa** |
| | (e) mengambil maklum pencapaian sukuan pertama (Q1) dan sukuan kedua (Q2) telah dibentang dalam Bengkel Penilaian Pencapaian KPI UPM Sukuan Pertama dan Sukuan Kedua pada 23 Julai 2021 dan ada penambahbaikan pada penetapan KPI iaitu sebanyak 6 KPI digugurkan dan sebanyak 6 KPI baharu dicadangkan. | **Makluman** |
| | **11.6.1.2 Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2020** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras tahun 2020 yang dibentangkan oleh Wakil Pengurusan UPM serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum sebanyak 64 petunjuk prestasi telah diukur pada tahun 2020 dengan pecahan seperti berikut:<br>• Lapan (8) objektif bagi skop proses utama, melibatkan 11 petunjuk prestasi;<br>• Tujuh (7) objektif bagi skop proses sokongan, melibatkan sembilan (9) petunjuk prestasi; dan | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | • 32 objektif bagi skop proses operasi perkhidmatan sokongan, melibatkan 44 petunjuk prestasi. | |
| | (b) mengambil maklum ringkasan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2020 adalah seperti berikut:<br><br>• Secara keseluruhan, 41 petunjuk prestasi mencapai sasaran (64.06%), 20 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran (31.25%) dan tiga (3) tidak diukur (4.69%); dan<br>• Pencapaian mengikut skop iaitu proses utama sebanyak 72.73%, proses sokongan sebanyak 66.67% dan proses operasi perkhidmatan sokongan sebanyak 61.36%. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum perincian pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2020 mengikut skop dan peneraju proses adalah sebagaimana di **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (b).** | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum 20 petunjuk prestasi tahun 2020 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksana tindakan pembetulan oleh peneraju proses yang terlibat. | **Makluman** |
| | **11.6.1.3 Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2020**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2020 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (c)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil perhatian sebanyak 25 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Utama meliputi 8 Pra Siswazah, 11 Siswazah dan 6 Penyelidikan dan Inovasi, dengan 22 Piagam Pelanggan yang dicapai manakala 2 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai dan 1 Piagam Pelanggan tidak dapat diukur. Piagam Pelanggan yang tidak dicapai dan tidak dapat diukur telah diambil tindakan oleh peneraju. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian sebanyak 120 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Sokongan dengan 100 Piagam Pelanggan yang dicapai, 15 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai dan 5 Piagam Pelanggan tidak boleh diukur telah diambil tindakan oleh peneraju.<br>. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **11.6.1.4 Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2020** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum berhubung Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2020 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (d).** | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum terdapat tiga (3) Objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2020 dengan dua (2) objektif mencapai sasaran manakala satu (1) objektif tidak mencapai sasaran. Perincian pencapaian adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Penyataan Objektif | Sasaran | Pencapaian | Peneraju |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian | 100% (UPM Serdang)<br><br>98% (UPM Bintulu) | **Capai sasaran - 100%** (UPM Serdang)<br><br>**Capai Sasaran - 100%** (UPM Bintulu) | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 2. | Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | ≤ 3 jam | **Tiada gangguan berlaku** (Sistem berfungsi dengan baik semasa sesi pendaftaran pelajar baharu) | Pasukan Pusat Data |
| 3. | Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik | 80% | **Tidak Capai Sasaran – 76.22%** | Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian objektif ISMS tahun 2020 yang tidak mencapai sasaran adalah merupakan objektif sama yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2019. Bagaimanapun, peratusan pencapaiannya menunjukkan peningkatan sebanyak 17.72% berbanding 58.5% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Mesyuarat meminta peneraju mengenal pasti punca objektif tidak mencapai 2 tahun berturut-turut. | **Tindakan: Pusat Pembangunan Akademik (CADe)** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil maklum objektif yang tidak mencapai sasaran telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan pada tahun 2021 oleh peneraju ISMS yang terlibat. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum objektif keselamatan maklumat dipantau dan diukur keberkesanannya dua (2) kali setahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **Makluman** |
| | **11.6.2 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan QMS dan ISMS** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.2**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Ketakakuran dan tindakan pembetulan dilaksana berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 10.2 dan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 10.1, dan perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi Klausa 9.3; | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian sumber ketakakuran yang direkodkan adalah sebagaimana berikut: | **Makluman** |
| | i. QMS:<br>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM yang tidak mencapai sasaran, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran, Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman. | |
| | ii. ISMS:<br>Objektif ISMS yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan/pihak berkepentingan berkaitan ISMS, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM, dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman. | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran QMS yang telah dikenal pasti berjumlah 261 seperti berikut: | **Makluman** |

| **Sumber ketakakuran QMS** | **Bil. Ketakakuran** |
|---|---|
| i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2020 | 15 |
| ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2020 | 20 |
| iii. Piagam Pelanggan Q4/2020 | 16 |
| iv. Aduan Pelanggan Q4/2020 | 23 |
| v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2020 | 0 |
| vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2021 | 187 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **261** |

(d) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran ISMS yang telah dikenal pasti berjumlah 9 seperti berikut:

| **Sumber ketakakuran ISMS** | **Bil. Ketakakuran** |
|---|---|
| i. Objektif ISMS Q4/2020 | 1 |
| ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS | 0 |
| iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2020 | 0 |
| iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2021 | 8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **9** |

| | | |
|---|---|---|
| | (e) perbandingan laporan ketakakuran yang dilaporkan dalam MKSP 2020 dan 2021 adalah sebagaimana Graf dalam Lampiran Kertas Agenda 6.2 yang menunjukkan berlaku pengurangan bilangan ketakakuran iaitu pengurangan sebanyak 77 bagi QMS dan sebanyak 6 bagi ISMS. | **Makluman** |
| | (f) mengambil perhatian tindakan pembetulan bagi setiap ketakakuran yang dilaporkan ini diambil tindakan/dibentangkan melalui saluran komunikasi yang berkaitan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **11.6.3 Penemuan Audit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Penemuan Audit yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.3.** | |
| | **11.6.3.1 Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2020** | |
| | (a) <u>Audit SIRIM QMS</u> | |
| | Mesyuarat: | |
| | i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 pada tahun 2020 telah dilaksanakan pada 30 November hingga 10 Disember 2020 (9 hari) di Kampus Serdang dan Bintulu. | **Makluman** |
| | ii. mengambil maklum seramai 7 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 9 hari di lokasi PTJ diaudit. | **Makluman** |
| | iii. mengambil maklum penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah tiada laporan Ketakakuran (NCR) dan 13 Peluang Penambahbaikan (OFI). | **Makluman** |
| | iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2020 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2021. | **Tindakan: PTJ yang berkaitan** |
| | v. mengambil maklum perbandingan penemuan audit SIRIM tahun 2019 dan 2020 yang mana berlaku pengurangan penemuan audit seperti berikut: | **Makluman** |

| Penemuan Audit | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| NCR | 2 | 0 |
| OFI | 22 | 13 |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) Audit SIRIM ISMS<br><br>Mesyuarat:<br><br>i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2020 telah dilaksanakan pada 30 November, 7 hingga 10 Disember 2020 (4 hari) di Kampus Serdang. | **Makluman** |
| | ii. mengambil maklum seramai seorang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 4 hari di lokasi PTJ diaudit. | **Makluman** |
| | iii. mengambil maklum penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah tiada laporan Ketakakuran (NCR) dan 2 Peluang Penambahbaikan (OFI). | **Makluman** |
| | iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2020 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2021. | **Tindakan: Semua PTJ yang berkaitan** |
| | v. mengambil maklum perbandingan penemuan audit SIRIM tahun 2019 dan 2020 yang mana berlaku pengurangan penemuan audit seperti berikut: | **Makluman** |

| Penemuan Audit | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| NCR | 1 | 0 |
| OFI | 4 | 2 |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **11.6.3.2 Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2021**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum audit dalaman perlu dilaksanakan bagi mematuhi keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013, klausa 9.2 Audit Dalaman. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum semua PTJ di UPM melaksanakan audit dalaman QMS dan ISMS bagi tempoh bermula 1 April hingga 30 september 2021 menggunakan mana-mana kaedah daripada tiga (3) kaedah audit yang ditetapkan, iaitu:<br><br>• Kaedah 1 secara fizikal 'on-site' audit;<br>• Kaedah 2 secara 'Remote Audit';<br>• Kaedah 3 secara hibrid (gabungan fizikal dan 'remote audit'). | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum pelaksanaan audit secara 'remote' diberi keutamaan kepada PTJ yang melaksana audit dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 dan 2. Manakala PTJ yang melaksana audit menggunakan kaedah fizikal dan hibrid perlu mematuhi Standard Prosedur Operasi (SOP) yang ditetapkan. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum jumlah penemuan audit dalaman QMS tahun 2021 adalah sebanyak 187 NCR dan 289 OFI. Manakala jumlah penemuan audit dalaman ISMS tahun 2021 adalah sebanyak 8 NCR dan 29 OFI. Mesyuarat dimaklumkan laporan penemuan audit dalaman telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman QMS dan ISMS PTJ (KJAD PTJ) semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman di PTJ masing-masing. Perincian keseluruhan penemuan audit dalaman boleh dirujuk dalam Portal Jaminan Kualiti http://portalcqa.upm.edu.my/. | **Makluman** |
| | (e) mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Juruaudit Dalaman. | **Tindakan: TWP PP/PTJ berkenaan** |
| | (g) mengambil perhatian pemantauan bagi penutupan penemuan audit dalaman dibuat secara berkala melalui:<br><br>i. Mesyuarat Pengurusan PTJ;<br>ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|

(h) mengambil maklum perbandingan penemuan audit dalaman tahun 2020 dan 2021 seperti berikut: **Makluman**

| ISO | Penemuan Audit Dalaman | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|
| QMS | NCR | 194 | 187 |
| | OFI | 241 | 289 |
| ISMS | NCR | 13 | 8 |
| | OFI | 29 | 29 |

**11.6.4 Prestasi Penyedia Luar**

Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Prestasi Penyedia Luar UPM yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.4.** Mesyuarat:

(a) mengambil maklum penilaian telah dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal dan Agensi Pelancongan http://spps.upm.edu.my/SPPS/ ke atas semua pembekal UPM oleh pentadbir kontrak di PTJ berdasarkan prestasi kerja pembekal. **Makluman**

(b) mengambil maklum analisa penilaian prestasi pembekal sebanyak 2 kali setahun iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember bagi tujuan pemantauan kualiti bekalan/perkhidmatan/kerja yang dilaksana oleh pembekal adalah mengikut keperluan spesifikasi yang diperlukan. **Makluman**

(c) mengambil perhatian sebanyak 25,338 transaksi pembekal bagi tahun 2020 telah dibuat penilaian dan ringkasan penilaian markah yang telah dibuat adalah sebagaimana berikut: **Makluman**

| Skala | Markah (Skor % Penilaian) | Bil. | % |
|---|---|---|---|
| Sangat Memuaskan | 81-100 | 22,420 | 88.48% |
| Memuaskan | 61-80 | 2,873 | 11.34% |
| Kurang Memuaskan | 41-60 | 37 | 0.15% |
| Tidak Memuaskan | 21-40 | 0 | 0.00% |
| Sangat Tidak Memuaskan | 0-20 | 8 | 0.03% |
| **JUMLAH TRANSAKSI** | | **25,338** | 100.00% |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil maklum bagi tahun 2020, sebanyak 45 transaksi telah memperolehi skor penilaian kurang daripada 60%. Antara sebahagian ulasan pembekal diberi penilaian markah kurang memuaskan adalah:<br><br>i. Penghantaran tidak mengikut masa yang dijanjikan;<br>ii. Pembekal terlalu lambat menyiapkan bekalan iklan tandaharga untuk gerai ;<br>iii. Pembekal tidak memenuhi speksifikasi sepertimana yang ditetapkan di dalam kontrak,<br>iv. Penghantaran bekalan ke makmal patologi mengambil masa yang agak panjang;<br>v. Syarikat tidak memberi komitmen sepenuhnya;<br>vi. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan-PKP COVID 19;<br>vii. Gagal menunjukkan pengujian dan pentauliahan secara menyeluruh. | **Makluman** |
| | (e) dimaklumkan untuk tujuan makluman kepada semua PTJ serta menambahbaik proses penilaian prestasi pembekal tahun 2020, Pejabat Bursar telah memuatnaik senarai pembekal yang mendapat prestasi kurang memuaskan bagi tempoh Januari-Jun 2020 di laman sesawang Pejabat Bursar menerusi url berikut:<br><br>https://bursar.upm.edu.my/muat_turun_dokumen/perolehan/penilaian_prestasi_pembekal-58915 | |
| | (f) dimaklumkan Pejabat Bursar telah membuat penambahbaikan iaitu mengurangkan jumlah borang dari tiga kepada dua borang sahaja iaitu borang penilaian prestasi untuk bekalan dan perkhidmatan dan satu borang penilaian prestasi kerja. | **Makluman** |
| **11.7** | **KECUKUPAN SUMBER**<br><br>**11.7.1 Sokongan Sumber Manusia**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Sokongan Sumber Manusia yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 7.1**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil perhatian status sumber manusia UPM dari 1 Januari hingga 1 November 2021 dengan kepentingan sokongan sumber manusia bagi menjayakan fungsi Universiti, sepertimana keperluan standard, Klausa 9.2.3 (d) seperti berikut: | **Makluman** |
| | i. strategi pemantapan sumber manusia 2021 adalah merangkumi Perjawatan, Program Latihan dan Pembangunan Bakat serta Penambahbaikan Sistem dan Proses. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
| --- | --- | --- |
| | ii. strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2021 menerusi Perjawatan dengan pengisian jawatan yang dirancang secara teliti dan memberi tumpuan kepada jawatan kritikal dengan tindakan seperti berikut:<br><br>1. Pusat tanggungjawab (PTJ) telah membentangkan keperluan jawatan yang diperlukan untuk dinilai oleh Pejabat Pendaftar sebelum dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui kaedah 'Trade Off';<br>2. 'Audit Time Motion Study' (TMS) diteruskan bagi PTJ yang perlu merancang semula susunan perjawatan dan audit yang tertangguh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); dan<br>3. Pejabat Pendaftar bersama Persatuan Pentadbir sedang membuat perancangan 'outfit' perjawatan bagi beberapa skim seperti Skim C, skim G serta Skim N untuk melihat keperluan sebenar dan penempatan gred jawatan mengikut PTJ.<br><br>iii. Strategi pemantapan berterusan sumber manusia tahun 2021 menerusi Program Latihan dan Pembangunan Bakat dengan memberi tumpuan kepada penganjuran program latihan dan pembangunan bakat serta pelan penggantian yang lebih dinamik dan inovatif yang menggunakan CBTM (*Competency-Based Talent Management),* kerjasama strategik dengan agensi luar seperti program AKEPT-UPM *Strategic Leadership Coaching for University Leader*s yang memfokus kepada pemantapan kepimpinan institusi.<br><br>iv. Status pelaksanaan dan pencapaian yang telah dicapai oleh Pejabat Pendaftar adalah seperti berikut:<br><br>1. meningkatkan kompetensi pengurus sumber manusia melalui proses pembelajaran dan pembangunan *(learning and development* - L&D) berkaitan CBTM dengan mengikuti program TaME Kohort 3 anjuran AKEPT;<br><br>2. penjajaran semula proses dan aktiviti sumber manusia supaya selari dengan pendekatan CBTM meliputi pemilihan dan pengambilan, pengurusan prestasi, kenaikan pangkat, pembangunan dan pembelajaran dan pelan penggantian;<br><br>3. menghasilkan kerangka kompetensi teras dan kepemimpinan Kumpulan Pengurusan dan Profesional UPM;<br><br>4. meneruskan usaha untuk menghasilkan kompetensi khusus mengikut skim perkhidmatan dan jawatan strategik UPM; | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 5. memperkukuh pelaksanaan temu duga berasaskan kompetensi (*competency-based interview* - CBI) yang telah dimulakan sejak tahun 2019;<br><br>6. memperkukuh pelaksanaan penilaian kelompok bakat akademik dan P&P melalui *Behavioural Event Self-Assessment* (BESA) dan Behavioural Event Interview (BEI). Penilaian awal melalui kaedah ujian psikometrik iLEAD dengan kerjasama AKEPT juga mula dilaksanakan untuk mendapatkan gambar awal profil kepemimpinan bagi kelompok bakat;<br><br>7. menerbitkan buku Kompetensi Kepemimpinan Pentadbir (Pendaftar dan Bursari) Universiti Awam akan direalisasikan pada Disember 2021. Status semasa buku adalah pada peringkat pemurnian draf terakhir dengan Pusat Penerbit UPM;<br><br>8. mengukuhkan jaringan dan hubungan kerjasama yang erat dengan pihak AKEPT melalui pelaksanaan program *CV Leadership for Public University Registrars and Bursars* dan kursus-kursus kepemimpinan lain dari semasa ke semasa. | |
| | v. strategi pemantapan berterusan sumber manusia menerusi Penambahbaikan Sistem dan Proses dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar bersama Pusat Pembangunan Komunikasi dan Maklumat (IDEC) yang kini sedang dalam proses membangunkan Projek Transformasi Sumber Manusia seperti berikut:<br><br>1. Sistem Pengurusan Perisytiharan Harta;<br>2. Sistem Penetapan Perjawatan;<br>3. Sistem Permohonan Pengisian Jawatan PTJ;<br>4. Sistem Pengurusan Perancangan Tenaga Akademik;<br>5. Sistem Pengurusan Iklan Jawatan;<br>6. Sistem Pengurusan Permohonan Jawatan;<br>7. Sistem Pengurusan Lapor Diri;<br>8. Sistem Pengurusan Kenaikan Pangkat Akademik;<br>9. Proses Pengurusan Pentadbiran HR Portal;<br>10. Rujukan HR Portal. | **Makluman** |
| | vi. mengambl maklum Pembangunan Projek Transformasi Sistem Sumber Manusia (HRT) Fasa 2 telah mencapai 76.66% siap dibangunkan. Perancangan bagi Fasa 2 adalah untuk tempoh 2 tahun iaitu mulai 2020 hingga 2021. Pembangunan bagi Fasa 2 melibatkan 30 sistem/proses utama yang berkaitan dengan perjawatan dan penggajian staf UPM. Status pencapaian keseluruhan HRT Fasa 2 Q3 2021 adalah seperti yang dilampirkan seperti dalam kertas Agenda 7.1. | **Tindakan: Pejabat Pendaftar dan iDEC** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | vii. mengambil perhatian bagi pembangunan fasa 2 dari 30 sistem/proses utama masih terdapat 4 sistem yang sedang dibangunkan iaitu pengurusan kenaikan pangkat akademik (part 1), pengurusan saraan dan elaun, pengurusan peperiksaan perkhidmatan dan pengurusan transformasi minda. | **Makluman** |
| | viii. Mesyuarat turut mengambil perhatian maklumat Perjawatan di UPM bagi tahun 2021 jumlah bilangan staf UPM terkini adalah seramai 7,968 orang. | **Makluman** |
| | **11.7.2 Sokongan Sumber Kewangan** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Sokongan Sumber Kewangan UPM tentang pendapatan dan perbelanjaan peruntukan kewangan UPM bagi tahun 2020 dan strategi bagi tahun 2021 sebagaimana keperluan standard Klausa 9.3.2 (d) yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Bursar sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 7.2**: | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil perhatian laporan mengenai sokongan sumber kewangan UPM, mengambilkira cabaran mengurus kewangan secara cekap dan berkesan di samping peruntukan kewangan yang terhad, keutamaan agihan peruntukan mengurus tahun 2020 adalah ke atas komitmen universiti dan perkhidmatan yang mempunyai kontrak sedia ada. Penularan covid 19 juga menyebabkan beberapa perbelanjaan di luar jangka berlaku mengakibatkan semakan semula perancangan perbelanjaan universiti. Sehubungan itu mesyuarat mengambil perhatian perkara-perkara yang dilaporkan seperti berikut. | **Makluman** |
| | i. tahun 2020, UPM telah menerima RM546.64 juta geran kerajaan dan sumber dalaman sebanyak RM127.68 juta menjadikan jumlah pendapatan adalah sebanyak RM674.32 juta. Manakala perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM674.08 juta, meliputi perbelanjaan emolumen RM502.83 juta, bekalan dan bahan-bahan RM23.57 juta, aset RM119.21 juta, penyenggaraan dan pembaikan RM14.7 juta, biasiswa sebanyak RM8.07 juta dan perkhidmatan ikhtisas serta perbelanjaan lain adalah sebanyak RM5.69 juta. | **Makluman** |
| | ii. bagi tahun 2020, UPM telah menerima pendapatan penyelidikan sebanyak RM58.18 juta terdiri daripada geran penyelidikan kerajaan berjumlah RM 46.02 juta, geran selain kerajaan adalah RM 11.78 juta dan pendapatan lain adalah RM0.38 juta. Manakala perbelanjaan penyelidikan UPM tahun 2020 adalah sebanyak RM59.58 juta meliputi perkhidmatan ikhtisas dan belanja lain sebanyak RM41.23 juta, bekalan dan bahan-bahan RM12.25 juta, penyenggaraan dan pembaikan RM3.38 juta, serta aset sebanyak RM2.72 juta pendapatan bagi geran penyelidikan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iii. bagi penjanaan pendapatan berbanding belanja mengurus tahun 2021, setakat sukuan ketiga (selepas ini dirujuk sebagai Q3) sasaran jumlah keperluan perbelanjaan adalah sebanyak RM688 juta, manakala sasaran perbelanjaan Q3 adalah sebanyak RM516 juta, walau bagaimanapun, perbelanjaan sebenar yang direkodkan adalah RM451 juta. Manakala jumlah penjanaan pendapatan adalah RM89.33 juta. | **Makluman** |
| | iv. bagi pencapaian KPI Q3 2021 iaitu sumber dalaman sedia ada UPM menggunakan sumber dalaman yang terdiri dari yuran, kutipan pecah kontrak, simpanan tetap, pelbagai pendapatan, dividen anak syarikat serta sewaan yang kesemuanya adalah disasarkan sebanyak RM86.25 bagi Q3 namun pencapaian sebenar adalah sebanyak RM 58.29 juta. | **Makluman** |
| | v. untuk inisiatif tambahan kepada sumber dalaman UPM ada beberapa inisiatif seperti nombor pendaftaran khas kenderaan, promosi T20 dan universiti mengadakan bidaan geran seperti projek solar dan rumah cetak. Setakat sukuan ketiga sebanyak RM31.04 juta telah diperolehi untuk menampung keperluan mengurus universiti, berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu 60 juta. | **Makluman** |
| | vi. bagi menampung keperluan belanja mengurus, UPM telah mengadakan inisiatif tambahan untuk tahun 2021 bersempena dengan aktiviti sambutan jubli emas 50 tahun UPM iaitu penjualan 'Gold Bar' bagi fasa satu sebanyak 600 unit manakala untuk fasa 2 masih dalam proses kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk lantikan syarikat dan dijangka bermula pada bulan November 2021. | **Makluman** |
| | vii. UPM juga mengadakan skim potongan gaji bagi pembelian nombor pendaftaran khas kenderaan di mana jumlah pendapatan setakat September 2021 adalah sebanyak RM1.08 juta. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | viii. bagi memastikan pengurusan UPM berada dalam keadaan baik keperluan pekerja kompeten diperuntukkan sebanyak RM576.62juta dan penyelenggaraan diperuntukkan sebanyak RM27.47 juta diperuntukkan pada tahun 2021 sebagaimana pecahan mengikut perbelanjaan seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Keperluan | Belanja | Jumlah Peruntukan (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **1** | Pekerja Kompeten | i.Gaji (emolumen) | 492.97 |
| | | ii. upahan | 29.83 |
| | | iii. cuti belajar | 8.00 |
| | | iv.Latihan | 0.70 |
| | | v.Seminar konferensi | 0.20 |
| | | vi. Perubatan | 12.00 |
| | | vii. GCR/ex gratia | 5.45 |
| | | | |
| **2.** | Penyelenggaraan | i.ICT | 16.23 |
| | | ii.Selain ICT | 11.24 |
| | | | |

**11.8 PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN**

**11.8.1 Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM**

Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Tindakan bagi Menyatakan Risiko Strategik UPM menerusi pembentangan oleh Pengarah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 8.1.** — **Makluman**

Mesyuarat:

(a) mengambil maklum penilaian risiko strategik ini adalah berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang dan perlu dilaporkan dalam MKSP sebagaimana klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan. — **Makluman**

(b) mengambil maklum penilaian risiko strategik ini adalah bagi sukuan keempat tahun 2020 dan sukuan kedua tahun 2021. — **Makluman**

(c) mengambil maklum bahawa risiko strategik mula diperkenalkan pada tahun 2019 di mana terdapat risiko strategik dilaporkan dalam dua mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko dipengerusikan oleh pengarah PSPK manakala mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti dipengerusikan oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti dan turut dihadiri oleh Naib Canselor serta Timbalan Naib Canselor. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil maklum laporan keberkesanan tindakan risiko strategik sukuan keempat tahun 2020 ini memfokuskan risiko tahap tinggi di mana terdapat 8 risiko tinggi untuk Akademik dan Antarabangsa, 5 risiko tahap tinggi untuk Jaringan Industri dan Masyarakat dan 1 risiko tahap tinggi untuk Pengurusan Kewangan dan Aset. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum bagi tahun 2020 laporan sukuan keempat menunjukkan terdapat 87 isu risiko strategik yang telah dikenalpasti iaitu tahap rendah 26 isu, tahap sederhana 47 isu dan tahap tinggi 14 isu dengan kawalan tindak balas adalah sebanyak 45 isu diterima, 36 isu dirawat, 5 isu dipindahkan, 1 isu dihapuskan dan tiada isu yang belum dinilai, perkara ini telah dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko Universiti. | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum bagi isu risiko strategik sukuan kedua tahun 2021 terdapat sebanyak 89 isu dalaman yang terdiri daripada 21 isu baharu, 68 isu sedia ada yang terdiri daripada 59 isu dalaman dan 30 isu luaran dengan pecahan seperti berikut:<br>• Tahap rendah – 29 isu (33 %);<br>• Tahap sederhana – 40 isu (45%);<br>• Tahap tinggi – 9 isu (10%);<br>• Belum nilai – 11 isu (12%).<br>dan kawalan tindak balas yang diambil adalah 19 risiko diterima, 58 risiko dirawat, 0 pindah, 1 risiko hapus manakala 11 risiko belum dinilai. | **Makluman** |
| | (g) dimaklumkan daripada 89 isu yang dikenalpasti bagi sukuan kedua tahun 2021 terdapat 9 isu yang mempunyai risiko tinggi iaitu 7 risiko sedia ada (4 peneraju Akademik dan Antarabangsa dan 3 peneraju Jaringan Industri dan Masyarakat dan 2 risiko dari isu baharu yang dikenal pasti dari peneraju Pertanian. | **Makluman** |
| | (h) mengambil perhatian berkenaan perbandingan risiko tahap tinggi dari tahun 2019 sehingga tahun 2021 adalah seperti berikut | **Makluman** |

| 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|
| 12 risiko tahap tinggi | 14 risiko tahap tinggi | 9 risiko tahap tinggi |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA / CATATAN</th><th>TINDAKAN/ MAKLUMAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(i) mengambil perhatian terdapat 8 risiko yang berulang dari tahun 2019 sehingga tahun 2021 seperti berikut<br><br>
<table>
<tr><td>Akademik & Antarabangsa</td><td>1 risiko berulang bagi tiga tahun berturut-turut<br>3 risiko berulang 2020 dan 2021</td></tr>
<tr><td>Jaringan Industri & Masyarakat</td><td>3 isu berulang 2020 dan 2021</td></tr>
<tr><td>Pertanian</td><td>Tiada risiko sama berulang (risiko baharu)</td></tr>
<tr><td>Kewangan</td><td>1 risiko berulang untuk 2019 dan 2020 manakala 2021 belum dinilai</td></tr>
</table></td><td>Tindakan: Peneraju KPI - Akademik & Antarabangsa, Jaringan Industri & Masyarakat, Pertanian dan Kewangan</td></tr>
<tr><td></td><td>(j) mengambil maklum bagi isu yang berulang, strategi tindakan kawalan yang dilakukan sepatutnya berlainan dari yang sebelumnya dan ia akan dilakukan dengan lebih cepat. Risiko berulang ini telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti dan akan seterusnya dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(k) mengambil maklum bahawa semua risiko sedang diambil perhatian serta dalam tindakan bagi memastikan tahap risiko adalah terkawal.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>11.8.2 Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)<br><br>Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Tindakan bagi Menyatakan Risiko dan Peluang sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 8.2. Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum penilaian risiko dibuat adalah berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang dan perlu dilaporkan dalam MKSP sebagaimana klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum penilaian risiko operasi di UPM dilaksana secara berkala iaitu dua (2) kali setahun bagi penilaian Januari hingga Jun (Pertengahan Tahun Pertama, HY1) dan Julai hingga Disember (Pertengahan Tahun Kedua, HY2).</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil makluman penilaian risiko operasi tahun 2020 adalah seperti berikut:<br><br>i. Penilaian awal, sebanyak 410 risiko dikenalpasti dan dinilai;<br>ii. Penilaian Pertengahan Tahun Pertama (HY1), sebanyak 147 risiko dinilai manakala 263 belum dinilai;<br>iii. Penilaian Pertengahan Tahun Kedua (HY2), sebanyak 381 risiko dinilai manakala 29 belum dinilai yang mana penilaian akan dibuat setelah strategi tindakan untuk menangani risiko di PTJ selesai dilaksana. | **Makluman** |
| | (d) mengambil makluman penilaian risiko operasi tahun 2021 adalah seperti berikut:<br><br>i. Penilaian awal, sebanyak 441 risiko dikenalpasti dan dinilai;<br>ii. Penilaian Pertengahan Tahun Pertama (HY1), sebanyak 333 risiko dinilai manakala 108 belum dinilai;<br>iii. Penilaian Pertengahan Tahun Kedua (HY2), penilaian belum dilaksana dan akan dibuat pada Januari 2022 bagi tempoh penilaian bulan Julai hingga Disember 2021. | **Makluman** |
| | (e) mengambil makluman perbandingan risiko tahun 2020 dan 2021 mengikut tahap risiko adalah sebagaimana berikut: | **Makluman** |

| Tahap Risiko | 2020 | 2021 |
|---|---|---|
| Rendah | 146 | 143 |
| Sederhana | 230 | 259 |
| Tinggi | 34 | 39 |
| Jumlah | 410 | 441 |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|

(f) mengambil makluman bilangan risiko yang memberi kesan kepada KPI UPM dan pihak berkepentingan bagi tahun 2020 dan 2021, seperti berikut: **Makluman**

| Kesan risiko | 2020 | 2021 |
|---|---|---|
| KPI: Akademik dan Antarabangsa | 100 | 74 |
| KPI:Penyelidikan dan Inovasi | 46 | 59 |
| KPI: Hal Ehwal Pelajar dan Alumni | 53 | 19 |
| KPI: Jaringan Industri dan Masyarakat | 20 | 40 |
| KPI: Sumber Manusia | 70 | 41 |
| KPI: Pengurusan Kewangan dan Aset | 89 | 63 |
| KPI: Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT | 32 | 32 |
| KPI: Pertanian | 0 | 5 |
| Pihak Berkepentingan * | - | 126 |

Nota* : Mula dikenal pasti pada tahun 2021

(g) mengambil makluman kawalan tindak balas ke atas risiko operasi tahun 2020 dan Pertengahan Tahun Pertama (HY1) 2021, iaitu: **Makluman**

| Kaedah Kawalan Risiko | 2020 | 2021 (HY1) |
|---|---|---|
| Tolak Ansur | 160 | 120 |
| Rawat | 189 | 198 |
| Pindah | 17 | 14 |
| Hapus | 16 | 1 |
| Belum Nilai | 28 | 108 |

(h) mengambil makluman berkaitan tindakan ke atas tahap risiko operasi di UPM, iaitu: **Makluman**

i. Tahap Risiko Tinggi, PTJ perlu:
   - Melaksanakan strategi tindakan dan mengenal pasti strategi tindakan lain sekiranya tahap risiko masih kekal tinggi. Pemantauan tindakan di peringkat PTJ.
   - Jika kekal tahap risiko Tinggi berulang setiap tahun serta memberi impak kepada Universiti, laporan dibawa ke peringkat lebih tinggi iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JKPRU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

ii. Tahap Risiko Sederhana: PTJ perlu melaksanakan strategi Tindakan dan mengenal pasti strategi tindakan lain sekiranya tahap risiko masih kekal sama. Pemantauan tindakan diperingkat PTJ.

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iii. Tahap Risiko Rendah: PTJ perlu membuat pemantauan secara berterusan. Pemantauan tindakan diperingkat PTJ. | |
| | (i) mengambil makluman terdapat dua (2) isu tahap risiko tinggi yang berulang pada tahun 2020 dan 2021. Isu ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JKPRU) pada 27 September 2021 dan akan dibawa ke peringkat lebih tinggi iaitu Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang akan diadakan pada 14 Disember 2021. | **Makluman** |
| | (j) mengambil perhatian status terkini pelaksanaan tindakan oleh PTJ bagi dua (2) isu tahap risiko tinggi yang berulang adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran Kertas Agenda 8.2. Status tindakan yang dinyatakan adalah pelaksanaan tindakan dikemaskini sehingga 11 November 2021. | **Tindakan: iDEC dan IBS** |
| | **11.8.3 Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2021 adalah sepertimana di **Lampiran Kertas Agenda 8.3** yang dibentang. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum penilaian risiko ISMS dilaksana dengan tujuan untuk menilai tahap risiko aset yang terlibat dalam proses melibatkan skop ISMS supaya pendekatan dan keputusan yang paling berkesan dikenalpasti bagi menyediakan perlindungan dan kawalan ke atas risiko aset berkenaan, berasaskan metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM *(Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology)*. Pengemaskinian MyRAM dilaksanakan apabila berlaku perubahan atau penambahan aset di dalam skop ISMS yang terlibat. Aset dinilai samada rendah (low), sederhana (medium) atau tinggi (high) berdasarkan ciri utama keselamatan iaitu kerahsiaan (confidentiality), integriti (integrity) dan ketersediaan (availability). | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum terdapat sebanyak 776 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman/risiko sebanyak 1,185. Hasil penilaian yang dibuat pada Mac 2021 ini mendapati terdapat 102 risiko tahap sederhana, 1,083 risiko tahap rendah dan tiada risiko tahap tinggi direkodkan. Perincian mengenai rumusan pelaporan adalah seperti di Lampiran Kertas Agenda 8.3. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) turut mengambil maklum aset dengan risiko tinggi yang dicatatkan sebelum ini adalah berkaitan kedudukan Bangunan Pusat Data Utama (iDEC Beta) yang berada di kedudukan aras bawah (ground floor) dan terdedah kepada risiko banjir kilat. Berdasarkan penilaian risiko semakan Mac 2021, ancaman ini telah berjaya dikurangkan kepada tahap risiko sederhana berdasarkan kawalan/pelan pemulihan risiko yang dilaksanakan. Bagaimanapun, tahap risiko berkaitan kedudukan pusat data ini perlu dikaji semula mengambilkira situasi semasa banjir pada September 2021 yang berlaku di kawasan berhampiran Pusat Data Utama. Bagi tujuan kawalan semasa sementara menunggu keputusan permohonan Pusat Data Baharu menggunakan peruntukan RMK 12 Rolling Plan 2 Tahun 2022, pihak Pusat Data telah melaksanakan proses salinan/*backup* data secara berkala sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian bahawa semua peneraju ISMS yang terlibat akan melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanan tindakan kawalan serta pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **Tindakan: TWP ISMS/ Pasukan Peneraju ISMS** |
| **11.9** | **PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS DAN ISMS** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Peluang Penambahbaikan yang telah dibentang oleh Wakil Pengurusan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 9.0**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum penambahbaikan berterusan dilaksana berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 10.3 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 10.2 serta perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi Klausa 9.3. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian terdapat 17 peluang penambahbaikan QMS yang telah direkodkan oleh Peneraju yang akan dilaksana bagi tempoh 2021 hingga 2025 sebagaimana yang dinyatakan dalam lampiran kertas Agenda 9.0. | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian tiga (3) peluang penambahbaikan ISMS yang telah direkod dan dilaksanakan oleh Peneraju ISMS adalah seperti berikut: | |
| | i. Mengintegrasikan soal selidik pihak berkepentingan ISMS bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ke dalam Sistem e-Daftar bagi memudahkan pelajar menjawab soal selidik secara maya. | **Makluman** |
| | ii. Menambahbaik sistem sokongan Pusat Data Utama bagi memastikan Pusat Data Utama berada dalam ketersediaan yang terbaik, berkualiti dan dapat menjamin keselamatan maklumat di UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iii. Menambahbaik sistem sokongan Pusat Pemulihan Bencana bagi memastikan Rangkaian Pusat Pemulihan Bencana berada dalam ketersediaan yang terbaik, berkualiti dan dapat menjamin keselamatan maklumat di UPM. | **Makluman** |
| **11.10** | **HAL-HAL LAIN** | |
| | **11.10.1 Tarikh Terkini Audit SIRIM Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2021** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil makluman perubahan tarikh audit SIRIM QMS dan ISMS yang dijadualkan pada 13 hingga 23 Disember 2021 telah dipinda tarikh iaitu 13 hingga 17 Disember 2021 yang hanya mengambil masa 5 hari audit berbanding 9 hari audit sebelum ini. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian audit pada tahun 2021 akan dilaksana secara 'Remote Audit' dan pelaksanaan audit secara 'remote' ini telah mula dilaksana pada tahun 2020. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum seramai 12 orang Juruaudit QMS dan 2 orang Juruaudit ISMS akan melaksanakan audit di UPM pada tahun 2021. | **Makluman** |
| **11.11** | **KESIMPULAN KESELURUHAN** | |
| | Secara keseluruhannya didapati bahawa Dasar Pengurusan Kualiti dan Dasar Pengurusan Keselamatan Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan dikekalkan. | **Makluman** |
| | Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO 27001:2013 adalah mencukupi dan berkesan. | |
| | Kesimpulannya UPM berupaya mengekalkan pensijilan QMS MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013 serta bersedia untuk menghadapi audit oleh badan pensijilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 dengan komitmen dan akauntabiliti pihak pengurusan universiti dan pengurusan PTJ, sebagaimana keperluan Standard klausa 5. | |
| | **PENANGGUHAN** | |
| | Mesyuarat tamat pada jam 12.15 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi. | |

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) & SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) TAHUN 2021 (KALI KE-11)**

19 November 2021 (Jumaat) | 9.00 pagi |

*Secara Hybrid - menerusi Aplikasi Zoom Meeting*

**HADIR**

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 1. | **Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman** **- Pengerusi**<br>**Naib Canselor** |
| 2. | Prof. Dr. Nazamid Saari<br>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 3. | Prof. Dr. Amin Ismail<br>Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti<br>**(Wakil Pengurusan)** |
| 4. | Ts. Shahril Iskandar Amir<br>Pusat Pembangunan Maklumat Dan Komunikasi<br>(Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) |
| 5. | Puan Haslida Hassan **- Setiausaha**<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 6. | Encik Muhazam Mansor<br>Pendaftar |
| 7. | Puan Hajah Izariahwati Mohd Isa<br>Pejabat Bursar<br>(Menjalankan Fungsi Bursar) |
| 8. | Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman<br>Pengarah, Pusat Strategi Dan Perhubungan Korporat |
| 9. | Encik Muhammad Adil Ahmad Tajuddin<br>Pejabat Penasihat Undang-undang<br>(Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-undang) |
| 10. | Prof. Madya Dr. Nur Azura Adam<br>Dekan, Fakulti Pertanian |
| 11. | Prof. Dr. Abdul Rahman Omar<br>Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar |
| 12. | Prof. Ir. Dr. Mohd Khairol Anuar Mohd Ariffin<br>Dekan, Fakulti Kejuruteraan |
| 13. | Prof. Madya Dr. Anis Shobirin Meor Hussin<br>Dekan, Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan |
| 14. | Prof. Dato' Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad<br>Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 15. | Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan<br>Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 16. | Prof. Madya Dr. Razali Yaakob<br>Dekan, Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat |
| 17. | Prof. Dr. Zalilah Mohd Shariff<br>Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 18. | Prof. Madya Dr. Mohamad Maulana Magiman<br>Dekan, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, UPM Kampus Bintulu |
| 19. | Prof. Dr. Mohd Nizar Hamidon<br>Pengarah, Institut Nanosains dan Nanoteknologi |
| 20. | Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid<br>Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan |
| 21. | Prof. Madya Ts. Dr. Fatimah Sidi<br>Pengarah, Pusat Pembangunan Maklumat Dan Komunikasi |
| 22. | Prof. Madya Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar<br>Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik |
| 23. | Encik Husalshah Rizal Hussian<br>Pengarah, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 24. | Tuan. Hj. Mat Razi Abdullah<br>Pengarah, Pusat Islam |
| 25. | Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim<br>Pengarah , Institut Ekosains Borneo |
| 26. | Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris<br>Pengarah, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 27. | Prof. Madya Dr. Mohd Nasir Mohd Desa<br>Pengarah, Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 28. | Puan Iza Dura Abdul Manan<br>Pengarah, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 29. | Prof. Dr. Shamsul Bahri Hj. Mohd Tamrin<br>Pengarah, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri |
| 30. | DSP/KS Nor Azlan Mohammed<br>Pengarah Keselamatan, Bahagian Keselamatan |
| 31. | Prof. Dato' Dr. Mohd Hair Bejo<br>Pengarah, Putra Science Park |
| 32. | Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Awang<br>Pengarah, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen |
| 33. | Prof. Madya Ir. Dr. Nuraini Abdul Aziz<br>Pengetua, Kolej 10 |
| 34. | Prof. Madya Dr. Jasronita Jasni<br>Pengetua, Kolej 17 |
| 35. | Dr. Kamil Latif<br>Pengetua, Kolej Sri Rajang |
| 36. | Dr. Fauziah Adnan<br>Ketua, Pusat Kesihatan Universiti |
| 37. | Prof. Dr. Wong Mui Yun<br>Timbalan Pengarah, Institut Kajian Perladangan |
| 38. | Puan Noorizai Mohamad Noor<br>Pejabat Naib Canselor |
| 39. | Encik Shahriman Hashim<br>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 40. | Tuan Hj. Mohd Aris Fadzilah Abdullah<br>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 41. | Puan Siti Rozana Supian<br>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 42. | Puan Suhana Md Chairi<br>Pejabat Pendaftar |
| 43. | Puan Norhasliza Hassan<br>Sekolah Pengajian Siswazah |
| 44. | Cik Haslina Abu Seman @ Talib<br>Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 45. | Puan Nurhanisah Sadun<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 46. | Encik Ahmad Nizam Abdullah<br>Pusat Pembangunan Akademik |
| 47. | Encik Rosmi Othman<br>Pusat Pembangunan Maklumat Dan Komunikasi |
| 48. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi Ekhwan<br>Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 49. | Encik Mohd Khairul Zainal Abidin<br>Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 50. | Encik Roslan Parjo<br>Pusat Kesihatan Universiti |
| 51. | Encik Amiruddin Abd Aziz<br>Fakulti Perubatan Veterinar |
| 52. | Encik Johan Ali<br>Pusat Pertanian Putra |
| 53. | Encik Abd. Razak Ahmad<br>Penerbit UPM |
| 54. | Cik Syaakiratul Hasanah Rossidi<br>Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 55. | Puan Noraihan Noordin<br>Pusat Antarabangsa Putra |
| 56. | Puan Salinah Junid<br>Fakulti Pertanian |
| 57. | Puan Juita Md Tahir<br>Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 58. | Puan Lailawati Bakar<br>Fakulti Kejuruteraan |
| 59. | Encik Hisyamuddin Hashim<br>Fakulti Sains |
| 60. | Puan Sarah Salwah Adnan<br>Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 61. | Puan Besek Intan Zafina Basok<br>Fakulti Ekologi Manusia |
| 62. | Puan Zuraidah Ahmad<br>Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 63. | Encik Wan Mohd Radzi Wan Ismail<br>Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 64. | Encik Abdullah Arshad<br>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 65. | Encik Mohd Radzi Mahidin<br>Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 66. | Encik Noor Hakim Ahmad<br>UPM, Kampus Bintulu |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 67. | Puan Hasliza Zakaria<br>Institut Biosains |
| 68. | Mustapha Kamal Tahir<br>Institut Nanosains dan Nanoteknologi |
| 69. | Puan Farah Deena Zainol<br>Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 70. | Encik Muhamad Asyraf Arshad<br>Institut Penyelidikan Matematik |
| 71. | Puan Zaireen Zakaria<br>Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 72. | Puan Rina Mazni Musa<br>Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 73. | Puan Norazlina Zulkefli<br>Institut Kajian Perladangan |
| 74. | Puan Nur Syahirah Ibrahim<br>Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 75. | Encik Mohd Nazri Md Yasin<br>Hospital Pengajar UPM |
| 76. | Puan Rozi Tamin<br>Pusat Jaminan Kualiti<br>(Penyelaras Audit Dalam) |
| 77. | Puan Shamriza Shari<br>Pusat Jaminan Kualiti<br>(Pegawai Kawalan Dokumen ) |
| 78. | Puan Norlida Zamberi<br>Pusat Strategi Dan Perhubungan Korporat<br>(Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti) |
| 79. | Encik Din Ayup<br>Pusat Strategi Dan Perhubungan Korporat<br>(Sekretariat Peng. Risiko UPM) |

**TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN**

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 1. | Prof. Ts. Dr. M. Iqbal Saripan<br>Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) |
| 2. | Prof. Dr. Arifin Abdu<br>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 3. | Prof. Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin<br>Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 4. | En. Muzaffar Shah Kassim<br>Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 5. | Prof. Madya Dr. Shahrul Razid Sarbini<br>Pengarah, UPM Kampus Bintulu |
| 6. | Prof. Dr. Noor Azman Ali<br>Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti<br>(Penolong Wakil Pengurusan) |
| 7. | Prof. Dr. Hazandy Abdul Hamid<br>Dekan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 8. | Prof. Madya Dr. Soaib Asimiran<br>Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 9. | Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman<br>Dekan, Fakulti Sains |
| 10. | Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri<br>Dekan, Fakulti Ekologi Manusia |
| 11. | Prof. Dr. Zamberi Sekawi<br>Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 12. | Prof. Dr. Shuhaimi Mustafa<br>Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 13. | Prof. Madya Dr. Bany Ariffin Amin Noordin<br>Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 14. | Dr. Zamri Rosli<br>Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, UPM Kampus Bintulu |
| 15. | Prof. Dr. Zunita Zakaria<br>Pengarah, Institut Biosains |
| 16. | Prof. Madya Ir. Dr. Siti Anom Ahmad<br>Pengarah, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 17. | Prof. Dr. Muhammad Rezal Kamel Ariffin<br>Institut Penyelidikan Matematik |
| 18. | Prof. Dr. Ismi Arif Ismail<br>Pengarah, Institut Pengajian Sains Sosial |
| 19. | Pengarah, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 20. | Prof. Ts. Dr. Khalina Abdan<br>Pengarah, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 21. | Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman<br>Pengarah, Akademi Sukan |
| 22. | Prof. Madya Dr. Hj. Muhammad Mohd Isa<br>Pengarah, Hospital Pengajar UPM |
| 23. | Prof. Dr. Loh Teck Chwen<br>Pengarah, Pusat Transformasi Komuniti Universiti |
| 24. | Prof. Madya Dr. Marina Mohd Top@Mohd Tah<br>Pengarah, Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 25. | Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi<br>Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan |
| 26. | Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud<br>Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni |
| 27. | Prof. Madya Dr. Nur Izura Udzir<br>Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar |
| 28. | Prof. Madya Dr. Fathinul Fikri Ahmad Saad<br>Pengarah, Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear |
| 29. | Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid<br>Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan |
| 30. | Pengarah, Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser |
| 31. | Prof. Dr. Suhaimi Ab Rahman<br>Pengarah, Pusat Antarabangsa Putra |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 32. | Prof. Ir. Dr. Faizal Mustapha<br>Pengarah  Pembangunan, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 33. | Prof. Madya Dr. Mohd Rafee Baharudin<br>Pengarah, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 34. | Prof. Madya Dr. Siti Zaharah Sakimin<br>Pengarah, Pusat Pertanian Putra |
| 35. | Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hj. Hameed Sultan<br>Pengarah, Pusat Penerbit |
| 36. | Prof. Dr. Aminuddin Hassan<br>Pengetua, Kolej Tun Dr. Ismail |
| 37. | Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah<br>Pengetua, Kolej Canselor |
| 38. | Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad<br>Pengetua, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah |
| 39. | Dr. Mohd Hafiz Mohd Zaid<br>Pengetua, Kolej Pendeta Za'ba |
| 40. | Prof. Madya Dr. Mohamad Aris Mohd Moklas<br>Pengetua, Kolej Dua Belas |
| 41. | Prof. Madya Dr. Ahmad Shukri Muhammad Noor<br>Pengetua, Kolej Tiga Belas |
| 42. | Dr. Daljit Singh a/l Karam Singh<br>Pengetua, Kolej Empat Belas |
| 43. | Puan Zainora Abdul Talib<br>Ketua, Bahagian Audit Dalam |
| 44. | Dr. Hanafiah Ayub<br>Ketua, Pusat Sukan |
| 45. | Encik Azizi Ismail<br>Pejabat Pendaftar<br>(Penyelaras Latihan Staf) |
| 46. | Encik Abdul Rahim Utar<br>Pejabat Pendaftar<br>(Pegawai Rekod Jabatan Universiti) |
| 47. | Dato' Haji Rosdi Wah<br>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) |
| 48. | Puan Zainor Mazwin Zainal<br>Institut Pengajian Sains Sosial |
| 49. | Puan Suryani Ahmad<br>Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 50. | Timbalan Wakil Pengurusan<br>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 51. | Encik Mohd. Pauzi Abdul Karim<br>Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 52. | Cik Nor Azizah Tamsi<br>Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 53. | Encik Alzasha Illiyyin Zainal Alam<br>Pusat Islam Universiti |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 54. | ASP/PB Ibrahim Hassan<br>Bahagian Keselamatan Universiti |

**TURUT HADIR**

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 1. | Puan Askina Aziz<br>Kolej Tujuh Belas<br>(Mantan Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti) |
| 2. | Encik Fahrul Asmady Yunus<br>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 3. | Puan Wan Suzaimas Wan Sulaiman<br>Pejabat Bursar |
| 4. | Puan Nabihah Abdol Razak<br>Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik |
| 5. | Encik Muskhazli Mustafa<br>Fakulti Sains |
| 6. | Puan Nurul Haziqah Hasan<br>Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains, UPM Kampus Bintulu |
| 7. | Puan Hanina Halimatusaadiah Hamsan<br>Fakulti Ekologi Manusia |
| 8. | Encik Zamri Rosli<br>UPM Kampus Bintulu Sarawak |
| 9. | Encik Syahrilnizam Abdullah<br>Institut Biosains |
| 10. | Puan Dalina Kamarudin<br>Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 11. | Puan Nor Hazlina Zamaruddin<br>Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |
| 12. | Puan Haliena Azhar<br>Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen |
| 13. | Puan Mahani Amat@Halimi<br>Pusat Transformasi Komuniti Universiti |
| 14. | Encik Mohd Isnain<br>Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar UPM |
| 15. | Puan Rosiha Abdul Razak<br>Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear |
| 16. | Encik Muhammad Fitri Abu Muntalib<br>Pusat Pertanian Putra |
| 17. | Encik Amir Syahir Amir Hamzah<br>Pusat Hubungan dan Jaringan Industri |
| 18. | Encik Muhammad Faiz Zakaria<br>Pusat Hubungan dan Jaringan Industri |
| 19. | Puan Nik Hafzaini Nik Hassan<br>Pusat Perhubungan Alumni |

| Bil. | Nama |
|---|---|
| 20. | Encik Mohd Nizam Osman<br>Pusat Transformasi Komuniti Universiti |
| 21. | Dr. Razif Zainol Abidin<br>Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia |
| 22. | Cik Aidawati Ramali<br>Pusat Jaminan Kualti |
| 23. | Puan Kasmaria Zawawi<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 24. | Puan Norliyani Anor<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 25. | Puan Rosyati Zainuddin<br>Pusat Jaminan Kualiti |